Pak Lah mahu maklum balas MNC

25/05/04 ms2 BH

CYBERJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) mendapatkan maklum balas syarikat multinasional (MNC) untuk merancakkan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perdana Menteri berkata, walaupun MSC setakat ini berjaya menarik banyak MNC, kerajaan mahu tahu bidang yang perlu ditingkatkan, termasuk perkhidmatan, infrastruktur dan dasar.

"Saya percaya ini menjadi kelebihan kompetitif yang besar untuk MSC," katanya berucap merasmikan Pusat Pemprosesan Data Elektronic HSBC, di sini petang semalam.

Pusat itu yang terbesar milik kumpulan perbankan antarabangsa berkenaan, menyediakan perkhidmatan luar untuk pelanggan HSBC dari Amerika Syarikat, Britain, Singapura, New Zealand dan Australia.

Dengan 1,000 kakitangan, pusat itu menjadi nadi operasi perkhidmatan pelanggan HSBC dan ditadbir HSBC Electronic Data Processing (M) Sdn Bhd, syarikat menerima status MSC pada 2000.

Abdullah berkata, MDC dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) terus mempromosikan MSC sebagai destinasi pusat khidmat perkongsian dan nilai tambah tinggi lain.

Katanya, kerajaan sudah membangunkan sumber manusia dan keupayaan industri termasuk meningkatkan keupayaan teknikal penyedia perkhidmatan dan mengurangkan kos latihan pekerja berpengetahuan.

"Dalam jangka panjang, kita akan memajukan kepakaran perkhidmatan baru bagi menyamai kekuatan utama seperti pusat hubungan pelbagai bahasa, kewangan Islam dan penyelidikan bioteknologi," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai kelebihan kompetitif dari segi kos terutama dalam menjadikan negara ini antara lokasi operasi khidmat luar syarikat multinasional.

Katanya, dengan MSC sebagai produk jualan utama, operasi pusat khidmat luar dapat dikembangkan untuk membabitkan bidang penyelidikan, membangunkan produk dan teknologi baru serta mengeksport produk.

"Kajian sebuah syarikat runding cara Amerika Syarikat meletakkan Malaysia di tempat ketiga di belakang India dan China sebagai destinasi paling menarik operasi khidmat perkongsian dan luar.

"Malah Malaysia mengatasi Filipina, Ireland, Singapura dan Thailand," katanya sambil menambah operasi pusat khidmat luar mewujudkan kira-kira 7,000 pekerjaan dan menjadi sektor terbesar di MSC kini.

Abdullah berkata, kerajaan memberikan komitmen melakukan sedaya upaya untuk merancakkan lagi pembangunan MSC.